

## BAB II

### LARAS BAHASA DAN ISTILAH-ISTILAH BERKAITAN

Eine Nation in diesem Sinne ist eine durch eine bestimmte Sprache charakterisierte geistige Form der Menschheit in Beziehung auf idealishe Totalität individualisiert (Humboldt, 1827-1829:125).

Dalam pengertian umum, sesebuah bangsa merupakan suatu bentuk yang ciri-cirinya dinyatakan melalui bahasa yang tertentu dan merupakan sesuatu yang tersendiri berhubung dengan keseluruhan ideologi (terjemahan penulis).

#### 2.0. Variasi : Pemilihan dan Pemakaian

Tidak ada bahasa manusia yang tetap, seragam, atau tidak berubah-ubah: setiap bahasa menunjukkan kelainan dalaman. Penggunaan bahasa sebenar berbeza antara satu kelompok dengan satu kelompok yang lain, dan antara seorang penutur dengan seorang penutur lain, dari segi sebutan, pilihan kata dan makna kata-kata tersebut, malah juga dari segi penggunaan binaan ayat (Akmajian et al. 1995: 264).

Kalangan pengkaji sosiolinguistik berpendapat bahawa wujudnya variasi bahasa tersebut berhubung kait dengan proses saling mempengaruhi antara bahasa dan struktur sosial. Oleh itu, menurut dakwaan mereka, bahasa merupakan '*system of categories and rules based on fundamental principles and assumptions about the world*' (Kress and Hodge, 1979:5). Disebabkan perhubungan tersebut merupakan perpaduan yang begitu rapat, pengguna bahasa sehari-hari jarang menyedari wujud perkaitan yang rapat antara bahasa dan konteks sosial. Memang amat sukar bagi orang awam untuk menjelaskan secara teoretis

apakah yang sebenarnya dimaksudkan dengan perhubungan antara bahasa dengan struktur masyarakat. Namun demikian, dalam penggunaan bahasa sehari-hari, perubahan gaya bahasa dilaksanakan tanpa disedari dengan jelas oleh penutur bahasa berkenaan. Malah proses pemilihan variasi pertuturan bahasa tersebut dapat dilakukan oleh pengguna bahasa secara automatik. Oleh sebab itu, pengguna bahasa dengan sendirinya dapat membezakan jenis-jenis variasi bahasa yang sesuai dengan setiap konteks. Sehubungan itu, Kress and Hodge (1979:5, 15) menghuraikan bahawa;

So close is the bond between languages and its social context... This 'systematically organized presentation of reality' is now generally understood to be 'ideology', which is built into language at the deepest, hence unconscious, level.

Huraian tersebut mengandungi implikasi bahawa pemilihan jenis variasi atau gaya bahasa sangat berhubung kait sama ada dengan proses pemaknaan (signification) ataupun dengan proses pembudayaan pengguna bahasa berkenaan. Pada hakikatnya, proses signifikasi (pemaknaan) tersebut menjadikan pemilihan variasi bahasa itu bermakna. Dalam hal ini, perlu kita fahami bahawa sesuatu peristiwa yang digambarkan melalui bahasa bukanlah merujuk secara langsung kepada pandangan dunia yang sebenarnya, tetapi lebih merujuk kepada sesuatu yang hendak disampaikan oleh peristiwa tersebut, iaitu sesebuah makna yang terbit daripada konteks berkenaan. Dalam perkataan lain, bahasa bukan menjelaskan gambaran tentang dunia secara langsung, tetapi lebih merupakan seperti peta dunia. Memang benar dapat dikatakan bahawa peta dunia bukan merupakan dunia nyata tetapi merupakan manifestasi pandangan dunia yang sebenarnya.

Menurut John Hartley (1995:11-12) peta merupakan sesuatu lambang kenyataan dan dapat dianggap sebagai sesuatu teks visual. Oleh itu, melalui sesuatu peta kita dapat memahami rupa bentuk permukaan bumi. Dalam usaha kita mengenal pasti kaedah memahami sesuatu peta, kita harus memahami kod-kod distintif, konvensi (kelaziman), lambang-lambang dan simbol yang terdapat di dalamnya. Sesuatu peta mengatur, memilih dan membentuk koheren yang tidak terkira banyaknya tentang tanggapan pengertian yang kita alami di atas muka bumi. Peta mungkin tidak menggambarkan permukaan bumi yang sebenar selagi air tidak digambarkan berwarna biru, bukit dan padang tidak berwarna coklat dan hijau, atau selagi garisan bentuk muka bumi semula jadi dan sempadan-sempadan sosial tidak ditunjukkan dengan jelas di atas peta tersebut.

Secara jelas, peta merupakan suatu gambaran abstrak tentang realiti, menterjemahkannya ke dalam sistem lambang-lambang dan kod-kod yang bersifat autonomi, memaparkan cara kepelbagaian dan percanggahan fenomena alam dapat dikategorikan, diklasifikasikan serta dibezakan secara olahan semula. Sebagai persamaan secara jelas, sesuatu peta mengandungi maksud atau tujuan yang tersendiri bergantung kepada kelaziman kegunaan atau kepentingan tertentu, dan jenis peta yang berlainan memperlihatkan tujuan yang berbeza, umpamanya, untuk tujuan bersiar-siar, memandu, latihan ketenteraan, geologi atau ekspedisi-ekspedisi khusus yang lain. Demikian juga kepelbagaian jenis wacana memperlihatkan tujuan tertentu yang berbeza-beza bagi kegunaan masyarakat. Berdasarkan huraian tersebut, dapat kita kaitkannya dengan latar belakang wujudnya variasi bahasa secara umumnya atau variasi wacana bahasa secara khususnya.

Sehubungan itu, perlu kita perhatikan pendapat yang diberikan oleh Kress et. al, (1997:257-289). Menurut pandangan mereka, peranan teks

visual kini semakin menonjol sebagai suatu media komunikasi berbanding dengan kedudukannya beberapa abad yang lalu. Secara khususnya, kedudukan visual menjadi semakin mustahak dalam dunia yang disebut sebagai dunia yang telah berkembang maju. Perubahan ini banyak memberi kesan terhadap bentuk serta ciri teks.

Dengan perubahan berkenaan, iaitu daripada bentuk bahasa lisan kepada pelbagai bentuk perlambangan atau pernyataan yang berbentuk visual dalam penghasilan se suatu teks, teks visual turut mewujudkan banyak perubahan yang penting dalam perkembangan ilmu linguistik. Kecenderungan ini melibatkan penyelidikan yang sistematik mengenai teks visual berdasarkan disiplin ilmu semiotik. Namun demikian, pandangan mereka sangat jauh berbeza dengan pandangan semiotik konvensional. Mereka lebih condong memberi tumpuan terhadap aspek kegiatan sosial berkaitan dengan teks. Mereka menganggap kegiatan penggunaan variasi bahasa sebagai suatu aktiviti sosial, yakni yang wujud dalam lapangan politik; dalam struktur agihan kuasa; dan seterusnya ditentukan oleh persaingan yang wujud daripada perbezaan kepentingan atau keperluan di kalangan pencipta atau penulis teks berkenaan. Perkara ini merupakan titik perbezaan yang utama antara pandangan semiotik sosial dengan pandangan semiotik konvensional.

Berdasarkan pandangan semiotik sosial, kepentingan pencipta atau penulis terhadap sesuatu lambang ditentukan oleh faktor kecenderungan hubungan yang wujud antara sesuatu lambang dengan benda yang dilambangkan. Hubungan tersebut mewujudkan lambang-lambang yang dimotivasi. Oleh itu, pencipta lambang berusaha menghasilkan perlambangan atau pernyataan yang sangat tepat dengan makna (atau ideologi) yang hendak disampaikan atau makna yang terdapat di dalamnya.

Seterusnya, kepentingan atau keperluan pencipta lambang akan dikodkan secara langsung ke dalam makna perlambangan atau komunikasi formal. Hal ini bertentangan sekali dengan tanggapan lazim daripada fahaman semiotik Saussurian, yang beranggapan bahawa hubungan tersebut dilihat sebagai suatu yang arbitrari (lihat Saussure:1988). Oleh sebab itu, *ideologi* ialah salah satu faktor yang terpenting daripada segala mode yang terlibat. Dalam hal ini, terdapat perbezaan pendapat antara penganalisis semiotik sosial dengan penganalisis semiotik konvensional. Menurut pandangan semiotik sosial lagi, perlambangan mewujudkan proses pemaknaan secara telus. Oleh hal yang demikian, kajian mengenai kelainan bahasa ataupun analisis pemilihan variasi bahasa mungkin membolehkan kita untuk mendedahkan ideologi yang tercantum dalam komunikasi berkenaan.

## 2.1. Variasi Bahasa: Laras Bahasa dan Dialek

Berhubung dengan wujudnya variasi bahasa seperti yang diuraikan di atas, perlu kita teliti variasi bahasa secara teoretis. Menurut pendapat kalangan ahli sosiolinguistik, **laras bahasa** (register) dan **dialek** merupakan dua jenis variasi bahasa yang utama. Sehubungan itu, Douglas Biber (1995:1) menjelaskan bahawa;

Variability is inherent in human language: a single speaker will use different linguistic forms on different occasions, and different speakers of a language will say the same thing in different ways. **Most of this variation is highly systematic:** speakers of a language make choices in pronunciation, morphology, word choice, and grammar depending on a number of non-linguistic factors. These factors include the speaker's purpose in communication, the

relationship between speaker and hearer, the production circumstances, and various demographic affiliations that a speaker can have. Analysis of the systematic patterns of variation associated with these factors has led to the recognition of two main kinds of language varieties: **register**, referring to situationally defined varieties, and **dialects**, referring to varieties associated with different groups of speakers (diberi tekanan oleh penulis).

Berdasarkan huraian tersebut, kewujudan kedua-dua jenis variasi bahasa utama berkenaan berkait rapat dengan perubahan masyarakat yang begitu pesat. Keadaan masyarakat yang sentiasa berubah-ubah mengakibatkan seseorang penutur kini perlu menggunakan bentuk-bentuk bahasa yang baru untuk menggambarkan berbagai-bagai pengalaman bahasa yang dialaminya. Dalam hubungan ini, perkara yang perlu diperhatikan ialah bahawa pembentukan kelainan bahasa itu merupakan sesuatu hasil konvensi yang sangat sistematik. Demikian pula, pemilihan bentuk bahasa tersebut pada hakikatnya berdasarkan faktor-faktor bukan linguistik. Oleh hal yang demikian, penyelidikan mengenai variasi bahasa perlu dihubungkaitkan dengan faktor sosiobudaya dan seterusnya kajian tersebut memberi tumpuan kepada kedua-dua jenis variasi bahasa yang utama, iaitu laras bahasa dan dialek.

Sehubungan itu, dapatlah dikaitkan dengan pandangan yang dibentangkan oleh Roger Fowler (1996:32) yang berpendapat bahawa *the culture and language are fields of knowledge greater than the experience of any individual*. Menurut beliau, seseorang anggota masyarakat dilahirkan dan dibesarkan di bawah pengaruh yang terdapat di dalam lingkungan persekitarannya. Faktor-faktor persekitaran mempengaruhi latar belakang, ciri-ciri kedaerahan serta kedudukan sosial penuturnya, antara lain termasuk jumlah pendapatan dan jenis pekerjaan orang tua, taraf pendidikan, lokasi tempat tinggal (di bandar atau luar bandar), jenis

pekerjaan, jangkauan pengalaman perjalanan dan tahap kemampuan membaca. Dengan demikian, setiap anggota masyarakat memiliki variasi bahasa yang berlainan, iaitu dipanggil *idiolek*. Seterusnya, variasi bahasa yang wujud berdasarkan kawasan disebut *dialek* dan kelompok-kelompok sosial pula disebut *sosiolek*. Melalui penggunaan variasi bahasa tersebut, menurut Roger Fowler (1996:32), *we encode knowledge which is peculiar to a certain group, and different from that encoded by other groups*.

Untuk membezakan ciri-ciri dialek dengan laras bahasa, Halliday (1964) mendekati persoalan variasi bahasa berdasarkan dua faktor, iaitu *pengguna* dan *penggunaan*. Menurut beliau, variasi bahasa yang wujud berkaitan dengan pengguna, yakni tempat asal seseorang, ialah *dialek*, sedangkan variasi yang berkaitan dengan penggunaan, yakni yang berlainan mengikut kumpulan sosial yang menggunakannya, ialah *register* atau *laras* (Nik Safiah Karim, 1982:630).

Menurut Halliday, dialek, atau kelainan dialektik, ialah kelainan bahasa berdasarkan identiti pengguna bahasa. Dengan perkataan lain, dialek merupakan kelainan bahasa yang pada hakikatnya bergantung kepada pengguna bahasa itu dan tempat asal penutur itu. Dari segi geografis, kelainan bahasa tersebut dianggap sebagai dialek, sedangkan dari segi sosial kelainan bahasa berkenaan disebut dialek sosial.

Dengan itu, laras bahasa dapat ditakrifkan sebagai kelainan bahasa yang berdasarkan penggunaannya. Dengan kata lain, pembezaan laras bahasa dibuat berdasarkan kepada perbuatan yang sedang dilakukan oleh pengguna bahasa dalam masyarakat dan bagaimana ciri-ciri kegiatan sosial pengguna bahasa berkenaan.

Dengan perkataan lain, dialek cenderung berbeza bukan dalam hal makna yang diungkapkan, tetapi dalam hal pernyataan makna dalam aspek-aspek bahasa, seperti dalam bidang tatabahasa, dalam kosa kata, dalam bidang fonologi, dan fonetiknya.

Dalam hal ini perlu kita tumpukan perhatian kepada ciri-ciri khusus laras bahasa. Menurut Nik Safiah Karim (1982:631) laras merupakan konvensi sosial. Sesuatu laras tertentu digunakan untuk keadaan atau situasi tertentu. Dari satu segi, dapat dikatakan bahawa dengan memilih laras yang tidak sama untuk situasi-situasi yang berlainan, anggota sesuatu masyarakat dapat menunjukkan bahawa mereka sedar akan situasi-situasi sosial yang berlainan, yang wujud di sekitar mereka.

Dengan demikian, pemilihan laras bahasa yang tidak sesuai mengakibatkan penggunaan bahasa yang janggal. Oleh sebab itu, seseorang anggota masyarakat sepertinya menggunakan berbagai-bagai laras yang sesuai atau tepat mengikut situasi tertentu. Sebagai contohnya, terdapat laras bahasa tuan rumah semasa bercakap dengan pembantu rumah, laras bahasa peniaga apabila bercakap dengan penjual ikan di pasar, laras bahasa guru matematik di dalam kelas, laras bahasa seorang pengulas sukan permainan bola sepak, laras bahasa penulis laporan berita, dan sebagainya. Berhubung dengan berbagai-bagai jenis laras bahasa Douglas Biber (1995:8-9) menjelaskan bahawa;

Register is considered to be a language variety, along with dialect, argot, slang, and jargon; examples of registers in this framework include aviation language, journalese, legalese, literary language, religious language, scientific language, technical language, and mythical language. The survey identifies two major discourse types: **conversation types and text types**. Conversation types includes adult-child, classroom, interview, dinner, meeting, narrative, and courtroom. Text types include advertisement, comic strip, essay, joke, legal text, letter, literature, message, monologue, narrative, obituary, report, and summary.

Jumlah laras bahasa seseorang itu menggambarkan keseluruhan pengalaman bahasanya, dan peranan yang dimainkannya dalam masyarakat. Besar jumlah peranannya, maka besar jumlah laras yang ada

padanya (Nik Safiah Karim, 1982:631). Kesimpulannya, sementara seseorang mungkin dapat hidup hanya dengan satu atau dua jenis dialek (dengan wujudnya masyarakat moden yang semakin kompleks hal ini semakin tidak mungkin; tapi secara teoretis hal serupa mungkin berlaku, dan dulunya menjadi norma), tetapi seseorang anggota masyarakat tidak mungkin hidup dengan satu atau dua laras bahasa sahaja.

## 2.2. Gaya Bahasa dan 'Genre'

Dalam pembicaraan mengenai variasi bahasa, kita kerap menggunakan istilah 'gaya' ataupun 'gaya bahasa.' Petikan berikut ini merupakan suatu contoh yang berkaitan dengan penggunaan istilah gaya.

Kesimpulannya, dalam kebanyakan masyarakat (kalau tidak semuanya), perbezaan-perbezaan dalam konteks sosial mengakibatkan penggunaan gaya yang berbeza-beza. ...Unsur gaya fonologi dalam bahasa Inggeris yang dibicarakan sebentar tadi adalah contoh gaya yang tidak jelas... Gaya ini dapat dikenali melalui perbezaan-perbezaan perbendaharaan kata, termasuk bentuk panggilan dan kata ganti, dan melalui tatabahasa dan penyebutan. Gaya ini dapat dianggap sebagai variasi-variasi bahasa...(Peter Trudgill, 1988:154).

Dalam teks terjemahan tersebut, gaya merupakan hasil terjemahan daripada istilah 'style'. Istilah tersebut kini sering digunakan sebagai perkataan yang mempunyai makna yang sangat luas di kalangan ahli sosiolinguistik. Akan tetapi, secara tradisional telah sekian lama perkataan 'style' merupakan istilah khusus dalam bidang ilmu stalistik atau kritikan linguistik. Adalah mustahil sekiranya penulis atau artis dalam bidang kesusastraan (sasterawan) meletakkan diri mereka hanyut daripada

segala lingkungan aturan yang terdapat dalam bahasa dalam kehidupan sehari-hari. Jadi ekspresi-ekspresi sastera merupakan suatu percambahan atau pengolahan secara kreatif terhadap sumber-sumber bahasa yang kita gunakan dari sehari ke sehari. Tegasnya, stilistik terbina daripada unsur-unsur linguistik, dan sebagai hasil, stilistik memberi cabaran terhadap kerangka kerja linguistik yang kita lakukan, mendedahkan kelemahan-kelemahannya serta mendorong kita supaya menghalusi kerja dengan lebih teliti. Dalam aspek ini, stilistik boleh dianggap sebagai suatu penjelajahan yang mencabar untuk mencapai penemuan bagi kedua-dua pihak iaitu pengkritik dan ahli linguistik.

Para penganalisis stilistik telah pun menyedari bahawa istilah 'gaya' atau 'style' itu tidak berfaedah lagi sebagai istilah khusus dalam bidang kritikan mereka. Istilah gaya tersebut lebih bermakna dan berfungsi sebagai istilah biasa yang merujuk kepada variasi bahasa dalam berbagai-bagai bidang, termasuk ilmu linguistik, ilmu sastera, juga kehidupan sehari-hari. Perkara ini dijelaskan oleh Roger Fowler (1996:185) seperti berikut;

The term 'style' itself is extraordinarily slippery, and although linguistic criticism for a long time called itself 'linguistic stylistics' or even just 'stylistics', the stylisticians soon decided that 'style' was unusable as a technical term.

Gaya pada prinsipnya berhubungan dengan pemilihan berbagai-bagai variasi. Pemilihan merupakan syarat untuk dapat dikatakan adanya gaya. Hanya dalam menggunakan konsep ini, kita mesti sedar bahawa pemilihan melibatkan perubahan makna, kerana gaya berhubungan dengan proses pemaknaan. Ada makna tertentu yang kita berikan dalam memilih suatu variasi (Umar Yunus, 1989:103). Seperti yang diuraikan di atas, di kalangan pembicara stilistik, istilah gaya itu dulu cenderung digunakan

untuk merujuk ciri-ciri keindahan variasi bahasa kesusasteraan secara khususnya. Secara tradisi pemilihan stilitik yang konsisten ialah pengalaman yang penting dalam kesusasteraan.

Berhubung kait dengan variasi bahasa kesusasteraan, terdapat pula sebuah istilah lagi yang sering disebut-sebut di kalangan penganalisis laras bahasa sejak kebelakangan ini, yakni 'genre'. Pada mulanya, istilah ini merupakan istilah khusus dalam bidang kesusasteraan. Akan tetapi, sekelompok pengkaji sosiolinguistik (Hasan 1977, Kress 1982, Martin 1983, Kress and Threadgold 1988) kini menggunakan istilah tersebut untuk merujuk kepada sesuatu variasi bahasa. Dengan menggunakan istilah tersebut, mereka bermaksud membezakan ciri-ciri laras bahasa dengan genre. Akan tetapi, penggunaan istilah tersebut menimbulkan beberapa masalah yang tidak dapat dielakkan dalam pemerian tentang konsep dan penakrifannya. Huraian Douglas Biber (1995:9) memperlihatkan implikasi kesukaran yang terdapat dalam pembezaan batasan kedua-dua istilah tersebut.

In all these discussion, the distinction between register and genre tends to be quite abstract and vague. In practice, it is difficult to decipher the empirical correlates of these supposedly discrete categories, or to determine whether a particular variety should be classified as a register, a genre, or some other text category.

Tafsiran semula yang dilakukan Hymes (1974:61) terhadap istilah genre tidak melibatkan pembicaraan proses sosial sama sekali. Menurut beliau, genre hanya mengandungi kategori-kategori teks sastera, seperti puisi atau sajak, mitos, cerita, teka-teki dan sebagainya. Dengan perkataan lain, konsep genre secara tradisional merupakan suatu panduan untuk membezakan kategori bentuk-bentuk karya sastera. Namun, di kalangan penganalisis genre, istilah tersebut merupakan *characteristic*

*ways of 'text-making' dan characteristic sets of interpersonal relationships and meanings* (Kress and Threadgold 1988: 216).

Walau bagaimanapun, pembezaan ciri-ciri kedua-dua istilah tersebut masih dianggap sebagai suatu perkara yang kurang jelas dalam perbahasan mengenai variasi bahasa. Oleh hal yang demikian, dalam pembicaraan mengenai perbezaan teks dan wacana terkini, konsep laras (register) dan genre telah digabungkan menjadi satu istilah tersendiri, iaitu register and genre atau R&G. Dengan demikian pendekatan untuk meneliti perbezaan teks dan wacana tersebut disebut sebagai R&GT (Register and Genre Theory). Hal ini bererti bahawa garis pemisah antara laras dan genre begitu kabur dan tidak jelas. Walau bagaimanapun para pengkaji R&GT (Eggins and Martin, 1997) mempercayai bahawa penggunaan istilah genre dalam pembicaraan analisis teks tersebut cukup bermakna. Makna istilah genre yang digunakan oleh mereka dalam pendekatannya berbeza dengan makna genre yang dulu. Genre dalam R&GT ditakrifkan dari segi fungsi teks dalam makna yang lebih luas, iaitu *different genres are different ways of using language to achieve different culturally established tasks, and texts of different genres are texts which are achieving different purposes in the culture* (Eggins and Martin, 1997:236). Gagasan ini timbul kerana, menurut pengamatan kalangan R&GT, terdapat kelemahan pada teori laras bahasa untuk menjelaskan perkara teks dan konteks. Namun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa perumusan kaedah genre terkini pada hakikatnya tetap berlandaskan tradisi fahaman Halliday, pelopor teori laras bahasa.

### 2.3. Genre dan Laras: Pandangan Semiotik dan Linguistik

Menurut Halliday (1978:145), genre merupakan konsep bawahan daripada konsep laras dari sudut pandangan semiotik. Dengan demikian,

genre dapat digolongkan ke dalam konsep laras. Pada prinsipnya genre merupakan antara sebab wujudnya laras berkenaan. Oleh itu, dalam membicarakan hubungan teks dan konteks, laras merupakan konsep yang terbaik untuk penjelasannya (Helen, 1995:7).

Akan tetapi, para pengkaji teori genre beranggapan bahawa fahaman Halliday tersebut, di luar dugaan, ternyata kurang cukup memberi tumpuan kepada analisis faktor-faktor konteks sosial. Menurut pengamatan kalangan pengkaji teori genre, teori laras cenderung membicarakan aspek-aspek kebahasaan dengan mengabaikan kewujudan proses sosial dalam pembentukan wacana. Helen (1995:8) menunjukkan hal tersebut dengan mengatakan bahawa;

In other words, they see register theory as placing too little weight on social processes and hence upon the socio-functional aspects of texts. Register is therefore considered a theory of language of text, rather than a theory of discourse.

Memang benar, beberapa pengkaji laras bahasa cenderung memberi lebih tumpuan kepada ciri-ciri linguistik dalam memberi takrifan tentang laras tanpa menghubungkaitkan faktor-faktor sosiobudaya dengan kewujudan laras. Berhubung dengan perkara ini, Helen selanjutnya menjelaskan bahawa;

An example of such an interpretation is that of Wallace (1981: 267) who defines register as 'a complex of features including appropriate lexical items, stylistic devices, frequency of certain grammatical transformations, discourse structure, etc.', indicating the emphasis on linguistic features without reference to the contextual background giving rise to such features.

Penyempitan konsep laras timbul disebabkan oleh suasana yang menyeluruh di kalangan pengkaji nahu transformasi generatif semasa. Kebanyakan mereka tidak mahu mengakui wujudnya sesuatu bentuk yang mendukung makna di luar klausa. Dalam hal ini, kita perlu bandingkan secara sepantas lalu mengenai ciri-ciri kedua-dua teori bahasa, iaitu Nahu Generatif dan teori Teks-Fungsional.

Nahu Generatif yang dipelopori oleh Noam Chomsky lewat tahun-tahun 1950-an, dan seterusnya dikembangkan oleh beliau dan pengikut-pengikut yang lain dalam berbagai-bagai versi merupakan contoh terbaik dalam kategori teori yang terawal. Nahu Generatif tidak menekankan aspek pertuturan dan teks sebenar seperti yang sepatutnya, tetapi lebih cenderung memberi tumpuan terhadap aspek-aspek universal dalam bahasa.

Sebaliknya, model nahu Teks Fungsional (Functional-textual) secara spesifik menggalakkan penelitian serta penghuraian secara individu. Oleh itu nahu Teks Fungsional sangat sesuai untuk membicarakan hubungan struktur bahasa dengan konteks sosial. Bidang nahu tersebut, yang diasaskan oleh Kalangan Mazhab Linguistik Prague pada tahun 1930-an, kini masih wujud dan dikembangkan oleh Halliday serta teman-temannya. Linguistik Fungsional lebih mengambil berat terhadap huraian ciri integriti dan individualiti teks seterusnya menyerapkan kandungannya ke dalam beberapa skema atau rumusan teori yang lebih abstrak (Roger Fowler, 1996:11).

Sebenarnya Halliday melalui penghuraianya dalam karya-karya sendiri secara berterusan menekankan bahawa kajian bahasa yang ideal merupakan sesuatu pendekatan berdasarkan penekanan kepada kajian semiotik dan sosial. Dengan demikian, kajian bahasa atau ilmu linguistik merupakan sesuatu jenis bidang ilmu tentang makna dalam pengertian yang luas, iaitu ilmu semiotik sosial. Oleh itu, selain bentuk bahasa,

segala macam cara atau bentuk pembawa makna *bukan bahasa*, seperti bentuk-bentuk kesenian (lukisan, ukiran, bunyi-bunyian, tarian dan sebagainya) dan berbagai-bagai tingkah laku budaya sosial (cara-cara berpakaian, adat-istiadat, susun lapis keluarga dan sebagainya) pula dapat dijadikan bahan kajian ilmu bahasa. Konteks budaya atau konteks sosial seperti yang tersebut, bagi Halliday, merupakan latar belakang yang penting untuk pelaksanaan kajian bahasa. Kesimpulannya, kedua-dua teori genre dan teori laras merupakan aspek kajian bahasa yang berdasarkan pandangan semiotik sosial tersebut.

#### 2.4. Teks dan Konteks: Hasil dan Proses Interaksi

Berhubung dengan penelitian terhadap konsep pemaknaan tanda bahasa, terlebih dahulu kita perlu mengemukakan pertanyaan, iaitu apakah yang dimaksudkan dengan istilah konteks? Selain itu, di manakah kedudukan sebenar makna teks?

Dalam kehidupan penutur bahasa sehari-hari, kita tidak boleh membuat pertimbangan semata-mata terhadap bahasa itu sendiri. Selain bahasa tersebut, kita secara langsung memerhatikan lingkungan bahasa berkenaan. Dalam perkataan lain, kita perlu memeriksa atau meneliti keseluruhan lingkungan komunikasi berkenaan, iaitu, siapa yang berkomunikasi dengan siapa dan mengapa; dalam bentuk dan situasi masyarakat yang bagaimana (dalam keadaan biasa atau sangat berbahaya); melalui medium apa (bahasa lisan atau tulisan); kelainan jenis-jenis komunikasi yang terlibat (panggilan melalui telefon atau melalui elektronik), dan bagaimana tahap hubungan antara mereka (bahasa rasmi atau bahasa tidak rasmi). Keseluruhan lingkungan pertuturan tersebut merupakan konteks.

Istilah konteks telah diperkenalkan oleh seorang pakar antropologi Malinowski (1923, 1935) yang kemudian dikembangkan secara teoretis oleh seorang pakar bahasa, J. R. Firth (Halliday, 1973). Sejak itu, istilah konteks mula digunakan sebagai istilah untuk mengungkapkan keseluruhan lingkungan, bukan hanya lingkungan pertuturan, tetapi juga lingkungan situasi pertuturan teks berkenaan.

Sementara itu, teks lazim dimaksudkan sebagai bahasa yang sedang melakukan tugas tertentu dalam konteks situasi. Perkataan-perkataan ataupun ayat-ayat bebas bukan merupakan teks. Secara tradisi, teks bermakna sesuatu hasil yang tertulis atau yang tercetak sebagai suatu hasil keluaran. Namun, pentakrifan teks dalam bidang ilmu semiotik moden mengandungi pengertian yang sangat luas. Teks cenderung digunakan bagi merujuk kepada hasil manifestasi daripada berbagai-bagai aktiviti komunikasi dalam masyarakat moden.

Berhubung dengan perkara tersebut, perlu kita perhatikan pandangan van Dijk (1997:3) yang mengatakan bahawa;

Although many discourse analysts specifically focus on spoken language or talk, it is therefore useful to include also written texts in the concept of discourse. There are many similarities between the ways people speak and write when using language to communicate their ideas, and the same is true for listening or reading to spoken and written discourse (van Dijk, 1997:3).

Secara khususnya, bagi analisis wacana, untuk mencapai segala aspek tersebut dalam konteks kajian media, definisi tentang teks media perlu menjangkau lebih jauh daripada tanggapan tradisi mengenai teks, bukan sekadar kata-kata yang tercetak dengan tinta di atas sekeping kertas. Bahasa dalam konteks media moden, secara realistik tidak hanya dilihat dari segi kelainan atau perbezaan linguistik tradisional antara aspek-aspek

wacana dan teks, umpamanya bahasa lisan dan tulisan. Teks cenderung digunakan bagi merujuk hasil manifestasi daripada aktiviti komunikasi. Landasan definisi mengenai teks menjadi lebih luas sehingga mencakupi berbagai-bagai kegiatan seperti pertuturan, muzik dan kesan bunyi, lukisan (image), dan sebagainya.

Kebanyakan teks boleh dianggap sebagai artifak komunikatif dan merupakan suatu hasil teknologi. Teks media, misalnya memantulkan teknologi sehingga menghasilkan artifak berkenaan. Dengan demikian, muzik dan kesan bunyi dalam media moden boleh bertindak melalui cara yang sama terhadap ciri-ciri prosodik dalam penggolongan teks item-item percakapan, penandaan sempadan, penentuan period sejarah (historical) atau jarak lokasi, dan sebagainya. Malah Kress & Leeuwen (1997) telah merujuk susun atur (reka letak) halaman surat khabar sebagai teks.

Kedua-dua penganalisis tersebut memberi tanggapan tentang teks dari pelbagai perspektif, serta memasukkan gaya semiotik sebagai sebahagian unsur yang melengkapi bahasa atau melalui mana-mana bahasa yang dikenal pasti. Mereka juga beranggapan bahawa peningkatan atau pertambahan dalam penggunaan kaedah visual (visual mode) di dalam teks, menunjukkan bahawa penyelidik kini memberi tumpuan dan berusaha menjelaskan ciri saling mempengaruhi antara aspek lisan (verbal) dan visual. Sekalipun mereka tidak mendakwa bahawa surat khabar selalunya berpegang kepada konvensi susun atur (layout) yang sama, namun perlu diberi perhatian bahawa terdapat peraturan-peraturan yang harus dipertahankan atau dipatuhi, terutama bagi melakukan analisis kuantitatif terhadap jumlah sampel yang banyak dan kelaziman atau konvensi yang sering kali berubah melampaui masa harus dikenal pasti.

Kress dan van Leeuwen (1997:186) pula berpendapat bahawa keseluruhan teks adalah bersifat multimodal. Oleh itu, bahasa sentiasa bersifat telus dan nyata serta wujud dalam berbagai-bagai gaya semiotik.

Semasa proses bercakap misalnya, kita bukan sahaja menyampaikan mesej melalui ungkapan kata-kata, tetapi melalui interaksi atau tindak balas unsur-unsur bunyi ujaran, irama, intonasi yang kompleks, di samping disertai dengan ekspresi wajah, isyarat gerakan badan dan juga sikap atau aksi tertentu. Begitu juga semasa proses menulis, kita tidak hanya menyampaikan sesuatu mesej melalui tanda-tanda linguistik semata-mata, tetapi juga melalui olahan segala unsur visual yang terdapat di atas suatu halaman atau muka surat. Sebarang bentuk analisis teks yang mengabaikan unsur-unsur tersebut mungkin tidak dapat menjelaskan keseluruhan maksud yang disampaikan di dalam sesuatu teks.

Dalam pada itu, menurut pandangan Halliday (1978:111), teks pada dasarnya merupakan satuan makna. Teks merupakan produk, iaitu suatu hasil keluaran (output). Dalam pengertian ini, teks merupakan sesuatu yang dapat dirakamkan dan dipelajari. Di samping itu, dari sudut padangan semiotik sosial, teks merupakan sesuatu proses pemilihan makna yang berterusan. Proses yang dimaksudkan di sini merupakan peristiwa bahasa yang timbal-balik, iaitu suatu pertukaran makna yang berciri sosial.

Sehubungan itu, Asmah (1988) pernah menunjukkan ciri-ciri teks media seperti yang berikut;

Kandungan sesuatu akhbar itu terdiri daripada pelbagai jenis tulisan, dilihat bukan sahaja dari segi bahan tulisan tetapi juga dari segi gaya dan larasnya. Misalnya, laporan berita berlainan gaya bahasanya dengan bahasa lidah pengarang; kedua-duanya pula berlainan dengan bahasa iklan atau juga bahasa resipi. Di samping itu terdapat juga makalah-makalah yang ditulis oleh orang perseorangan, berkenaan dengan berbagai-bagi isu dalam masyarakat: bahasa, kebudayaan, pelajaran, berbagai-bagi aspek politik, ekonomi, dan tidak kurang juga makalah-makalah yang bersifat separuh saintifik

dalam bidang sains dan teknologi. Dengan demikian, surat khabar boleh dikatakan sebagai media bagi berbagai-bagai laras dan gaya bahasa.

Huraian tersebut membawa implikasi bahawa teks surat khabar dapat menjadi bahan pendidikan bahasa, kerana teks tersebut mengandungi berbagai-bagai jenis laras bahasa. Dalam hal ini, perlu kita ingat tentang fungsi teks surat khabar sebagai penghantar maklumat atau makna. Teks surat khabar merupakan satuan makna dan makna berkenaan terhasil semasa proses pembacaan, bukan semasa proses penulisan. Teks tersebut merupakan sumber makna untuk para pembaca. Berhubung dengan proses pemaknaan teks secara umum, Roger Fowler (1996:157) menghuraikan bahawa;

As we have seen, the text of this passage does not say what it means, but can only be interpreted in the light of some unstated propositions, commonplaces of the culture, which the reader must supply.

Melalui huraian tersebut, dapat kita fahami bahawa sesuatu teks yang hendak disampaikan oleh penulis akan dapat ditafsirkan oleh pembaca teks berkenaan. Makna yang hendak disampaikan melalui teks bukan merupakan sesuatu yang pasif dan konkret tetapi merupakan sesuatu yang dinamik yang perlu diciptakan kembali oleh pengguna bahasa. Dengan perkataan lain, makna teks ialah sesuatu hasil interaksi. Sejak makna yang kini dianggap sebagai hasil interaksi atau negosiasi antara pembaca atau pendengar dan teks, pengertian teks telah dapat difahami dengan lebih jelas.

Oleh yang demikian, teks jarang muncul secara sendirian. Sementara itu dalam kebanyakan interaksi bersemuka (*face-to-face*) bahasa dikeluarkan secara berasingan oleh seseorang individu penutur. Sudah

menjadi kebiasaan kepada kita untuk menganggap perkara tersebut sebagai suatu norma atau aturan yang biasa disampaikan oleh seseorang penutur. Di samping itu, ujaran-ujaran tersebut juga merupakan gambaran terhadap pemikiran atau idea yang disampaikan.

Berhubung kait dengan hal tersebut perlu kita fahami secara saksama mengenai takrif teks melalui sudut pandangan ilmu semiotik. Dalam proses memproduksi, menerima dan mengubahsuaikan teks, pengguna teks mahu tidak mahu perlu mengaplikasikan keseluruhan pengetahuan yang sesuai dengan teks-teks berkenaan. Pengetahuan yang diperoleh dalam proses tersebut dikenali sebagai 'intertekstualiti' atau 'keantarbudayaan' yang merupakan latar belakang atau kerangka pengetahuan yang mustahak untuk memahami teks berkenaan. Melalui keseluruhan pengetahuan inilah, iaitu semasa proses pembacaan dan bukannya semasa proses penulisan, status atau kedudukan maksud sebenar sesuatu yang hendak disampaikan oleh penulis dapat difahami daripada teks berkenaan (Koh Young Keun, 1999: 172-5).

## 2.5. Ayat dan Wacana: Sumber Makna

Pada dasarnya, ayat merupakan satuan bahasa yang dapat mengungkapkan *fikiran yang sempurna* (*complete thought*). Dalam perkataan lain, ayat merupakan satuan yang terbesar dalam analisis tatabahasa tradisional. Namun demikian, berlainan dengan ahli linguistik tradisional, para penganalisis wacana meneliti perkara tersebut melampaui sempadan ayat. Mereka menumpukan perhatian terhadap bagaimana bentuk-bentuk ayat dipengaruhi oleh ayat-ayat lain di sekitarnya di dalam sesuatu teks. Hal ini bermakna bahawa dalam pendekatan kajian wacana

terhadap nahu, aspek kesempurnaan bentuk atau struktur nahu daripada ayat-ayat adalah hal yang dianggap relatif. Misalnya, ketidaksempurnaan bentuk ayat dapat dipandang sebagai suatu yang biasa kerana 'kehilangan' makna unsur ayat tersebut boleh diperoleh melalui hubungan fungsional ayat yang terdahulu atau sebelumnya.

Makna yang dinyatakan dengan keseluruhan klausa atau ayat-ayat disebut proposisi (*proposition*). Menurut pandangan nahu fungsional, sesuatu proposisi dipengaruhi oleh proposisi terdahulu atau sebelumnya. Dengan demikian, dari segi kajian wacana, susunan kata atau frasa tidak dianggap sebagai suatu yang bersifat arbitrari. Unsur tersebut mempunyai berbagai-bagai fungsi dalam hubungannya dengan ayat-ayat yang lain dalam wacana. Tambahan lagi, struktur formal ayat di dalam wacana sangat bergantung kepada ayat-ayat yang lain di dalam wacana tersebut.

Sehubungan dengan itu, satu persoalan yang perlu ditimbulkan ialah bagaimana ayat-ayat saling bergantungan antara satu sama lain di dalam sesebuah wacana? Untuk penjelasan terhadap persoalan tersebut, van Dijk (1997) menghuraikan bahawa wacana dapat diteliti dari segi ciri kepaduan atau kohesi di kalangan ayat-ayat yang berurutan (iaitu analisis peringkat mikro). Demikian pula, makna wacana secara keseluruhan (iaitu analisis peringkat makro) dapat dilakukan untuk melengkapkan kajian mikro tersebut. Dalam kedua-dua kes tersebut, menurut beliau, dapat kita jelaskan tentang apakah sebenarnya yang membolehkan wacana menjadi bermakna dan bagaimana sesuatu wacana berbeza daripada ayat-ayat tersendiri yang pernah dianggap sebagai unit yang arbitrari. Dalam konteks yang lain, van Dijk (1997) membezakan antara struktur permukaan (surface structure) dan struktur dalaman (deep structure) dalam teks. Hal ini mencerminkan fakta bahawa teori van Dijk dipengaruhi oleh aliran fahaman teori transformasi-generatif. Beliau mendakwa bahawa unit analisis yang lebih besar daripada teks

merupakan 'makrostruktur'. Makrostruktur merupakan struktur unit atasan daripada subteks, iaitu mikrostruktur (Koh Young Keun, 1999:210).

Namun begitu, apa yang lebih menarik ialah bentuk ayat-ayat yang terdahulu bukan hanya sekadar memainkan peranan penting di dalam wacana, tetapi juga mengandungi informasi yang hendak disampaikan oleh ayat-ayat tersebut, iaitu berkenaan apa atau siapa yang dirujuk, apa yang dijangkakan oleh penerima-penerima untuk diketahui atau apakah perhatian yang ditumpukan. Segala konsep atau tanggapan tersebut adalah sangat berkait rapat dengan pendekatan semantik dan kognitif terhadap wacana. Ini menunjukkan bahawa kajian sintaksis tentang wacana haruslah diintegrasikan bersama dengan kajian mengenai berbagai-bagai peringkat atau dimensi wacana yang lain. Oleh sebab wacana itu sendiri tidak mengandungi makna, tetapi makna sebenarnya lebih merupakan suatu hasil daripada sesuatu proses yang dapat kita ketahui berdasarkan kegiatan tertentu, seperti pengertian, pemahaman atau interpretasi teks.

Sementara itu, berhubung kewujudan makna di luar ayat tersebut, Roger Fowler (1996:82) menjelaskan bahawa;

When we read a newspaper article, or a novel, or listen to someone talking, or reading a poem aloud, we bring certain expectations about what counts as 'sensible communication'. Texts are organized in relation to these expectations. We expect texts to be coherent, to stay on one topic and not jump unexpectedly from subject to subject; to take another term from Hallidayan linguistics, we expect cohesion.

Dalam hal ini, dapat kita fahami bahawa kajian wacana lebih berkait rapat dengan pemikiran pengguna-pengguna bahasa. Fahaman seperti itu telah wujud sejak permulaan ilmu falsafah pada zaman yang silam. Serangkaian pengamatan beberapa ahli falsafah dan ahli linguistik telah menjelaskan kefahaman tentang saling pergantungan antara bahasa,

pemikiran dan kenyataan. Antaranya, seorang pakar filsafat Jerman, Wilhelm von Humboldt (1767–1835) dianggap sebagai pengasas perumusan fahaman serupa secara teoretis. Fahaman ini dikembangkan semula oleh Sapir dan muridnya Benjamin Lee Whorf (Kristeva, 1989:47). Dengan demikian, fahaman tersebut pada umumnya dikenali dengan nama hipotesis kerelatifan bahasa atau hipotesis Sapir-Whorf. Sehubungan dengan hasil kajian Whorf secara khususnya, perlu kita perhatikan penjelasan di bawah ini;

His predecessors Franz Boas ([1911]1966), and Edward Sapir ([1924]1949, [1929]1949, [1931]1964) speculated about the impact of language on thought, but Whorf was the first to try to demonstrate actual correspondences between the structural features of languages and specific modes of thought... In his research Whorf (esp. 1956) compared the formal meaning structures of two languages and then traced connections between such meaning structures and habitual thought as manifest in various cultural beliefs and institutions (Gumperz and Levinson, 1996:42)

Menurut Gumperz and Levinson (1996), setiap kajian mengenai kaitan bahasa dengan pemikiran semestinya menghadapi dan mengatasi berbagai-bagi perkara bahasa daripada sudut pandangan fungsional, iaitu cara penggunaan bahasa. Pendekatan tersebut disebut *hypothesis of discursive relativity*. Akan tetapi, tidak sedikit ahli sains sosial berpendapat bahawa sesetengah makna yang timbul melalui unsur-unsur bahasa bersifat sosial dan dikongsi bersama. Oleh itu, perkara bahasa tidak banyak berhubungan rapat dengan pemikiran, tetapi lebih berkait dengan proses interaksi atau kumpulan-kumpulan sosial atau struktur masyarakat. Wujudnya percanggahan pendapat seperti yang ditunjukkan tersebut mengandungi implikasi bahawa kajian mengenai hubungan bahasa dengan pemikiran merupakan tugas yang sangat rumit.

Walau bagaimanapun, sehubungan dengan tanggapan-tanggapan awal tersebut dapat dikenal pasti tiga dimensi utama konsep berkenaan: (a) penggunaan bahasa (b) penyampaian fikiran (kognisi) dan (c) interaksi di dalam situasi sosial. Berdasarkan tiga dimensi yang dinyatakan, maka dengan mudah kita dapat mengenal pasti beberapa disiplin tertentu yang terlibat di dalam kajian tentang wacana, seperti disiplin linguistik (untuk kajian spesifik tentang bahasa dan penggunaan bahasa), disiplin psikologi (untuk kajian berkaitan pemikiran atau kepercayaan dan bagaimana mereka berkomunikasi), dan disiplin sains sosial (untuk analisis mengenai interaksi di dalam situasi sosial) (van Dijk, 1997:2). Secara kuantitatif, wacana ialah pengucapan bahasa yang lebih besar daripada satu ayat. Wacana ialah pengucapan bahasa yang melebihi satu ayat (Halliday & Hasan:1994). Dalam pada itu, kalangan penganalisis wacana bersetuju bahawa wacana ialah suatu bentuk penggunaan bahasa. Oleh hal yang demikian, wacana berkait rapat dengan genre atau stilistik (Umar Yunus, 1989). Memang benar bahawa sedikit sebanyaknya jumlah ayat merupakan perkara yang tidak begitu penting dalam kajian wacana.

Pada dasarnya kajian wacana dapat merumuskan teori-teori yang dapat menerangkan hubungan di antara penggunaan bahasa, pemikiran atau kepercayaan serta interaksi. Sebagai contoh, surat khabar merupakan 'komunikasi bertulis' atau barangkali juga sebagai 'interaksi bertulis'. Dalam hal ini, terdapat sesuatu gejala yang perlu diperhatikan. Melalui komunikasi tersebut, iaitu semasa membaca dan memahami, peserta-peserta seolah-olah tidak berinteraksi secara langsung atau secara bersemuka, dan penglibatan pembaca-pembaca dalam interaksi sedemikian kelihatan lebih pasif. Akan tetapi, hal ini sebenarnya bukan bermakna pembaca-pembaca, misalnya pembaca surat khabar, tidak begitu aktif berbanding dengan pendengar-pendengar radio. Walaupun kedua-dua wacana tersebut menunjukkan beberapa perbezaan yang ketara, namun

pada hakikatnya masih terdapat juga persamaan-persamaan yang jelas dalam kegiatan berinteraksi di antara penggunaan bahasa. Dengan perkataan lain, kedua-dua mode wacana tersebut termasuk percakapan dan bahasa penulisan dapat digolongkan ke dalam satu konsep umum, iaitu 'wacana'.

Oleh sebab bidang linguistik tradisi memperlihatkan kecenderungan yang lebih terhadap bahasa percakapan, maka aspek visual dalam wacana sering kali diabaikan dalam kajian wacana. Walau bagaimanapun, melalui disiplin kajian semiotik, kajian tersebut semakin diberi perhatian, terutamanya dalam bidang komunikasi multimedia kini, umpamanya sangat diperlukan bagi analisis mengenai dimensi-dimensi visual wacana. Pengkajian tentang pengiklanan, buku teks atau teks bahasa radio atau televisyen jelas sekali memerlukan aspek seperti analisis 'silang media' (cross-media) atau analisis multimodal.

Sekalipun wacana ditakrifkan sebagai suatu proses komunikasi yang terdiri daripada bentuk interaksi dan penulisan, pengkaji wacana sering kali lebih memberi tumpuan kepada dimensi lisan. Dengan demikian, teks yang sering kali digunakan dalam kajian wacana ialah 'percakapan', iaitu hasil proses perbualan tanpa memberi banyak tumpuan kepada penglibatan pengguna-pengguna bahasa ataupun segala aspek komunikasi yang lain. Secara teori, kajian dalam bidang wacana harus melibatkan kedua-dua jenis teks. Dengan demikian, kajian mengenai wacana adalah lebih baik melibatkan teks perbualan atau teks penulisan.

## 2.6. Dialog dan Heteroglosia: Kewujudan Laras dan Dialek

Melalui perbincangan terdahulu, telah dibahaskan mengenai berbagai-bagai perkara yang berhubung kait dengan wujudnya kelainan

atau laras bahasa dalam masyarakat. Untuk menyimpulkan pembahasan tersebut lebih baik kiranya kita jelaskan beberapa konsep yang sering digunakan dalam bidang kesusasteraan. Perbincangan kelainan bahasa berkait rapat dengan teori linguistik fungsional. Oleh sebab itu, konsep-konsep tersebut merupakan rumusan penting mengenai kaedah dalam bidang kritikan sastera, dan kritikan sastera merupakan konsep yang sangat mustahak untuk menjelaskan kewujudan variasi bahasa. Penggunaan konsep-konsep tersebut mengandungi implikasi bahawa pendekatan kajian ini merupakan gabungan pendekatan ilmu bahasa dengan ilmu sastera ataupun dengan ilmu kritikan sastera secara khususnya.

Konsep utama yang perlu dihuraikan lebih dahulu ialah konsep kelaziman (habitualization). Idea-idea tersebut sebenarnya terbit daripada pemikiran Formalis Rusia dalam abad belasan yang lalu. Antara kalangan pelopor fahaman tersebut Viktor Shklovsky ialah pengkaji utama mengenai perkara kebiasaan tersebut secara mendalam. Menurut beliau, ciri kelaziman atau kebiasaan (habitualization) ialah kecenderungan asas di dalam persepsi psikologi. Dalam hal ini, perlu kita teliti hujah Asmah (1998:53) mengenai kebiasaan pengguna bahasa dalam pembinaan imej bahasa sebagai sesbuah sistem.

Speakers of natural languages are in the habit of building image repertoires for their speech systems. English is said to be a language of commerce, French of diplomacy, and Italian of romance. But this does not mean that these languages do not have other image repertoires. The challenges that Malay is facing now and will likely face in the future are found in the building of image repertoires.

Jika pengalaman merupakan suatu kebiasaan, persepsi akan terjadi secara automatik dan tidak kritis. Umpamanya dalam hal penggunaan

bahasa, sekiranya anggota-anggota sesebuah masyarakat mengekod tanda bahasa secara mantap dalam pemikiran secara konvensional serta kerap menggunakannya, maka mereka lama-kelamaan penggunaan bahasa menjadi biasa dengan hasil pengekodan tersebut. Aspek kelaziman tersebut mengakibatkan wujud pemikiran dan bahasa yang lapuk. Bagi Shklovsky, seni bahasa yang bersifat 'ketidakbiasaan' dapat mengembalikan kesegaran dan kecekapan atau kepintaran yang kritis dalam penggunaan bahasa (Roger Fowler, 1996:12). Sehubungan itu, beliau menghuraikan lebih lanjut sebab makna perkataan merupakan sesuatu yang tidak stabil dan pengguna bahasa menciptakan tanda bahasa yang baru sebagai pengganti tanda bahasa yang lama.

...the reader is always conscious that the cube might switch and impose the second meaning on his attention. The difficulty of perception here is caused by the unstable ambiguity of the sign. This is a very radical kind of defamilialization which, by insisting that a sign is not tied to one meaning, constitutes a critique of the conventionality of signs (Roger Fowler, 1996:64)

Hal ini mengakibatkan wujudnya *heteroglossia* dalam penggunaan bahasa secara amnya atau dalam bahasa sastera secara khususnya. Heteroglossia merupakan *relationship between different languages, dialect, style and registers* (Roger Fowler, 1996:150). Gejala ini pada hakikatnya berkaitan dengan pandangan bahawa *literary text, like all texts, do speak interaction, dialogic structure* (Roger Fowler, 1996:130) dan *this is an implicit dialogue, where the language implies an interaction of views or values* (Roger Fowler, 1996:149). Sudut pandangan tersebut sebenarnya berdasarkan idea-idea Mikhail Bakhtin, yang kajiannya sangat berpengaruh di Barat sejak karyanya diperkenalkan lebih terkemudian dan diterjemahkan dalam tahun-tahun 1970-an. Bakhtin terkenal dengan

pandangannya tentang kesusasteraan yang menurutnya sastera pada dasarnya adalah 'dialogic' dalam strukturnya tersendiri.

Mikhail Bakhtin (1895–1975) The story and his writings is a tangled one. He began publishing theoretical books on language in the late 1920s, under his own name, and under the pseudonyms V.N. Voloshinov and P.N. Medvedev. As Voloshinov, Bahktin attacked the structural linguistics of Saussure for its view of the sign as clear and unambiguous; and for its view of discourse as monologic--as presenting a single point of view. Bahktin argued that language and language use were more dynamic than the Saussurean picture allowed, containing multiplicity of voice, tension, and contradiction. The key terms in Bakhtin's linguistics are multiaccentuality (a word does not have just one meaning, but is inherently double-valued), heteroglossia and dialogism (Roger Fowler, 1996:149).

Konsep lain yang dikenal pasti di dalam banyak kritikan sastera yang dianggap bermanfaat untuk kajian linguistik ialah kepaduan (cohesion). Ini merupakan tanggapan mengenai wujudnya keutuhan teks sastera melalui kaitan, penafsiran serta pemahaman yang menjangkau aspek yang lebih luas daripada ayat. Sehubungan dengan tanggapan tersebut, terdapat pandangan daripada pengkaji fungsi bahasa yang terkemuka, iaitu Roman Jakobson.

Untuk menjelaskan fungsi bahasa, Jakobson (1981:22) merumuskan unsur-unsur yang menentukan fungsi bahasa terdiri daripada; konteks (context), penyampai (addresser), mesej (message), penerima (addressee), hubungan (contact), dan kod (code). Menurutnya, enam perkara di atas merupakan unsur yang menentukan fungsi bahasa yang berbeza sifatnya di antara satu sama lain. Selain itu, melalui pengamatan terhadap enam fungsi berikut pula, iaitu emotif, rujukan, puitis, "phatic", metalingual, **konatif** dapat dikatakan bahawa jarang wujud mesej bahasa yang

mempunyai hanya satu jenis fungsi. Kewujudan pelbagai fungsi tersebut bukannya berdasarkan kepada monopoli sesuatu fungsi semata-mata, tetapi berdasarkan kepada urutan hierarki fungsi-fungsi tersebut. Dalam perkataan lain, faktor yang penting dalam hal penentuan fungsi bahasa ialah fungsi manakah yang dianggap sebagai fungsi utama di antara keenam-enam fungsi tersebut.

Untuk penggunaan variasi bahasa secara teratur, menurut Jakobson (1971: 243), setiap lambang bahasa terlibat dalam dua cara pengendalian, iaitu pemilihan (selection) dan penggabungan (combination). Istilah ini berkaitan dengan istilah yang dikemukakan oleh de Saussure, iaitu hubungan sintagmatik dan hubungan paradigmatis. Dengan itu, Jakobson berhasil menggabungkan landasan teori de Saussure dan Peirce dalam konsep pentafsiran lambang bahasa. Untuk pentafsiran lambang bahasa, menurutnya, dapat kita gunakan dua macam rujukan, iaitu kod dan konteks. Huraian Jakobson tersebut merupakan latar belakang kewujudan berbagai-bagi laras dan kepaduan unsur-unsur linguistik dalam sesuatu teks tertentu.

Di samping itu, konsep seterusnya yang hendak saya kemukakan daripada kritikan sastera ialah sudut pandangan (point of view). Sudut pandangan seharusnya menjadi unsur utama bagi teori linguistik, jika linguistik menjurus ke arah menjadi lebih meluas melangkaui aspek ayat bagi menjelaskan proses-proses komunikasi keseluruhan teks. Sudut pandangan menekankan segala ciri kedudukan yang ditentukan oleh penutur atau pengarang, iaitu unsur kesedaran yang digambarkan di dalam teks, dan apa yang tersirat kepada pembaca atau penerima. Konsep ini berhubungan dengan perkara mengenai wujud atau tidaknya bahasa standard dalam sesebuah masyarakat bahasa. Sehubungan itu, perlu kita fahami makna yang terkandung di dalam huraian di bawah ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Roger Fowler;

...some texts seem to be deliberately 'over-registered', absolutely full to the brim with signals which make it clear what kind of text we are faced with. Typically, these are formal and official document....The consistency, insistence even, of the style seems to have a symbolic functions.. Such registers might be called hegemonic registers. (Roger Fowler, 1996:191)

Variasi bahasa yang disebut sebagai *hegemonic register* di atas seolah-olah mengingatkan kita kembali terhadap pentakrifan *diglosia*. Keadaan ini ialah sejenis penyeragaman bahasa menggambarkan dua variasi bagi satu bahasa yang benar-benar berbeza wuiud selari dan bagi seluruh masyarakat bahasa itu. Mungkin ciri yang paling utama mengenai situasi diglosia ini ialah pengkhususan fungsi kedua-dua variasi bahasa. Terdapat perbezaan-perbezaan kecil dalam sesuatu masyarakat dengan masyarakat lain, tetapi pada umumnya, variasi tinggi biasanya digunakan dalam bidang-bidang tertentu, seperti dalam khutbah agama, surat-menjurat rasmi, pidato politik, kuliah-kuliah universiti, siaran warta berita, lidah pengarang, dan puisi jenis 'tinggi'. Sebaliknya, variasi rendah digunakan dalam perbualan antara kaum keluarga dan sahabat handai, siri perbualan di radio, perbincangan politik dan akademik, kartun-kartun politik dan kesusasteraan 'rakyat' (Peter Trudgill, 1988:157). Jenis variasi tinggi tersebut cenderung mengandungi ciri-ciri laras hegemoni seperti yang didakwa Roger Fowler tersebut.

Tidak dapat dinafikan bahawa pengajaran bahasa baik untuk bahasa nasional maupun bahasa-bahasa asing di sekolah-sekolah harus menekankan peluasan laras semaksimum mungkin. Pengetahuan tentang laras amat perlu dan mustahak kerana pengetahuan mengenainya membolehkan para pengguna bahasa, khususnya para pelajar sedar akan

situasi-situasi bahasa yang berlainan yang wujud dalam buku teks mereka. Hal ini akan membolehkan mereka mencuba memilih dan menggunakan laras-laras yang sesuai untuk situasi-situasi tertentu. Menurut Nik Safiah Karim (1989:63) jika para pelajar gagal menguasai kelainan-kelainan bahasa ini, mereka sebenarnya belum benar-benar menguasai bahasa Melayu. Justeru, laras bahasa merupakan satu aspek penting dalam menentukan sifat dan fungsi bahasa (Nathesan, 1995). Sehubungan itu juga, perlu kita perhatikan secara teliti huraian di bawah ini;

Ultimately, speakers will require elaborate training or formal schooling in these conventions in order to be able to understand the code and use it to achieve the goals it was designed for. Socially disadvantaged speakers who lack the presupposed language skills, for example those from lower-class strata or minority language communities, may be closed out of certain occupational spheres. Indeed, socially advantaged speakers who controlled these language patterns may have privileged access to such spheres despite real deficiencies in qualifications in other respects (Gumperz and Levinson, 1996:61).

Melalui huraian tersebut, dapat kita simpulkan bahawa perbezaan variasi bahasa baik dialektik maupun laras pada hakikatnya berhubung rapat dengan kepentingan pengguna bahasa itu sendiri. Pandangan ini mengandungi implikasi bahawa kemampuan manusia melakukan persepsi terhadap alam nyata berkaitan erat dengan wujudnya berbagai-bagai variasi bahasa. Ini kerana konsep-konsep yang diwujudkan oleh bahasa merupakan pandangan atau penglihatannya terhadap dunianya (worldview, Weltanschauung) dan bahasa merupakan sesuatu yang mengakibatkan pembentukan ideologi pengguna bahasa. Hal ini bermakna bahawa kita boleh melihat lingkungan dunia penutur bahasa berkenaan baik melalui kata-kata maupun unsur-unsur nahu (Asmah, 1986).

Berhubung dengan pandangan tersebut, perlu kita jelaskan semula dakwaan Bakhtin mengenai *dualisme* dalam kegiatan bahasa yang telah dihuraikan sebelumnya. Menurut beliau, pertuturan bukan merupakan hasil kegiatan yang dilakukan oleh si pembicara secara sebelah pihak sahaja, tetapi pertuturan merupakan hasil interaksi kedua-dua pihak, iaitu si pembicara dan si pendengar.

When we speak or write, say Bakhtin, our words are always angled towards some other point of view: we anticipate the ideas of a hearer/reader, and we shape our own language accordingly, enter into implicit debate with an addressee (Roger Fowler, 1996:150).

Berdasarkan pandangan tersebut, beliau dengan tegas mengkritik, baik pandangan teori linguistik tradisional yang bersandarkan kepada fahaman subjektif yang bersifat individu mahupun pandangan objektif yang lebih bersifat abstrak. Dengan demikian, beliau menegaskan pentingnya sudut pandangan *dialogism* dalam pengkajian mengenai keperihalan bahasa.

Menurut beliau, pendengar mengintepretasikan pertuturan bukan hanya berdasarkan apa yang didengar, tetapi melalui berbagai-bagai faktor di luar jangkauan pendengar. Faktor-faktor tersebut antara lain meliputi sebab-sebab berlaku pertuturan, kepentingan pendengar, pengaruh serta penilaian yang terangkum dalam pertuturan, kemampuan saling memahami terhadap pertuturan serta reaksi-reaksi lain yang sangat kompleks dalam pertuturan. Dengan kata lain, sebenarnya wujud suatu proses interaksi yang sangat penting dalam kegiatan pertuturan yang saling memahami. Oleh itu, menurut beliau, makna perkataan merupakan hasil interaksi di antara pendengar dan pembicara yang dihasilkan melalui bunyi-bunyi ujaran. Huraian ini berhubung kait dengan wujudnya variasi bahasa, iaitu *heteroglossia* di dalam setiap bahasa manusia di seluruh dunia.

Selain itu, kita juga dapat perhatikan pendapat yang diberikan oleh Humboldt, iaitu pengasas teori kerelatifan bahasa. Mengenai perkara di atas beliau mengatakan bahawa;

Eine Nation in diesem Sinne ist eine durch eine bestimmte Sprache charakterisierte geistige Form der Menschheit in Beziehung auf idealishe Totalität individualisiert (Humboldt, 1827-1829:125).

Dalam pengertian ini, sesebuah bangsa merupakan suatu bentuk yang ciri-cirinya dinyatakan melalui bahasa yang tertentu dan bahasa merupakan sesuatu yang tersendiri berhubung dengan keseluruhan ideologi (terjemahan penulis).

Menurut Humboldt, cara pemikiran sesuatu bangsa mencerminkan sesuatu *Weltansicht* atau pandangan dunia (world-view) masyarakatnya. Dengan demikian, menurut beliau, bahasa bukan merupakan sesuatu alat untuk menggambarkan kenyataan dengan begitu sahaja, tetapi bahasa ialah sesuatu panduan yang mustahak untuk mengidentifikasi cara pemikiran bangsa dari sudut pandangan tertentu.

Humboldt(1830-1835:60) selanjutnya menjelaskan bahawa;

...und da auch auf die Sprache in derselben Nation eine gleichartige Subjectivität einwirkt, so liegt in jeder Sprache eine eigenthliche Weltansicht.

...dan sudah barang tentu wujud pandangan dunia tertentu dalam setiap bahasa kerana ciri-ciri kesubjektifan yang sama mempengaruhi wujudnya sesebuah bahasa kebangsaan (terjemahan penulis).

Dakwaan ini memberikan kesempatan kepada kita untuk merenungkan kembali mengenai kewujudan pelbagai variasi bahasa atau perbezaan bahasa kebangsaan setiap bangsa di dunia. Menurut Humboldt, perbezaan

bahasa bukan bererti perbezaan tanda bahasa yang merujuk kepada benda di dunia nyata, tetapi hal tersebut mencerminkan perbezaan pandangan setiap bangsa terhadap wujudnya benda, iaitu pandangan dunia bahasa. Oleh sebab itu, menurut beliau (Humboldt, 1827-1829:179), *Weltansicht ist die Sprache* (pandangan dunia merupakan bahasa). Jika kita menerima dakwaan tersebut, dengan sendirinya kita dapat mengerti mengapa pengajaran laras bahasa semestinya ditekankan dalam pengajaran bahasa asing.

## 2.7. Pengajaran Aspek Konteks Budaya dan Laras Bahasa

Bahasa sebagai pranata atau gambaran sistem tingkah laku sosial dapat diertikan sebagai jaringan komunikasi antara individu yang digunakan oleh pelbagai peringkat individu dalam masyarakat untuk mengungkapkan semangat kesetiakawanan sosial, menyusun rencana, bermesyuarat dan mengambil keputusan di dalam konteks suatu komuniti bahasa. Di dalam kajian linguistik yang cenderung kepada sosiologi, komuniti bahasa (*speech community*) dapat didefinisikan sebagai:

"Kelompok sosial yang sifatnya ekabahasa atau aneka bahasa dan yang dicirikan oleh interaksi teratur yang sering terjadi dengan perantaraan bahasa yang dimiliki bersama oleh kelompok itu dan yang dibedakan dari kelompok yang serupa oleh pola pemakaian bahasa yang berlainan" (Gumperz, 1972).

Anggota kelompok itu, dengan kata lain, memiliki berbagai-bagai pengetahuan tentang kendala dan jumlah pilihan dalam komunikasi yang berlaku dalam berbagai-bagai situasi sosial. Warga komuniti bahasa tidak

selalu perlu berbahasa yang sama atau menggunakan langgam bahasa yang sama pada setiap kesempatan. Yang perlu dimiliki bersama ialah sejumlah strategi dasar dalam proses berkomunikasi. Kemampuan berkomunikasi (*communicative competence*) itu, jadinya mengacu ke pengetahuan pembicara yang perlu dimilikinya agar dapat menghasilkan dan menggunakan bahasa yang sesuai dengan konteks sosialnya (Anton Moeliono, 1989).

Berhubung dengan huraian tersebut, Anton Moeliono (1989:185) mengemukakan suatu contoh berkaitan dengan kepentingan pengajaran laras bahasa, iaitu seperti berikut:

Pemilihan laras bahasa yang keliru dalam pelaksanaan proses sosial merupakan kesalahan bahasa yang sering dibuat oleh penutur tidak asli dalam peri laku kebahasaannya. Orang asing yang menerapkan laras bahasa yang dipelajarinya di negeri asalnya dapat tertanya-tanya mengapa di dalam transaksi tawar-menawar, atau di dalam percakapannya dengan pembantu rumah tangganya, orang Indonesia, menurut kesannya, seakan-akan tidak memahami bahasanya sendiri.

Berdasarkan perihal contoh bagi bahasa Indonesia di atas, jika orang asing tersebut berusaha terus-menerus menggunakan variasi bahasa Indonesia yang berciri formal dalam pertuturan sehari-hari bahasa formal tersebut dianggap janggal, terlalu kaku, bahkan dapat dianggap sebagai orang yang mengada-ngada dalam lingkungan bahasa tersebut. Dalam hal ini, masalah yang lebih serius terletak kepada ketidaksedaran si pembicara tadi bahawa pada saat itu si pembicara menerapkan laras bahasa yang tidak sesuai dengan situasi bahasa berkenaan. Ini kerana apa yang dipelajarinya hanyalah laras bahasa yang dapat digunakan pada saat tersebut, iaitu laras bahasa yang berciri formal. Jika diperhatikan ketidaktepatan penggunaan laras seperti yang ditunjukkan di atas, dapat

kita fahami betapa pentingnya pengajaran mengenai latar (situasi persekitaran) bahasa untuk peluasan penggunaan laras bahasa.

Berkenaan ciri-ciri latar, Ure & Ellis (1974) membahagikannya kepada dua jenis, iaitu situasi persekitaran (immediate situation) dan situasi luaran (wider situation). Situasi luaran dimaksudkan sebagai latar belakang sosial dan kebudayaan sesuatu masyarakat bahasa, yang termasuk struktur sosial dan seluruhan cara hidup yang menentukan perlakuan-perlakuan anggota masyarakat. Situasi persekitaran mencakupi aspek-aspek yang terlibat secara langsung dalam penggunaan bahasa. Banyak aspek situasi persekitaran yang mengakibatkan bahasa yang berlainan, yakni yang menimbulkan laras yang berlainan, tetapi secara kasar terdapat empat kategori utama seperti berikut: 1) cara penyampaian, 2) perhubungan sosial dan peribadi di antara yang terlibat dalam pertuturan, 3) bidang yang berlainan bergantung kepada isi yang menjadidi bahan perbincangan, 4) fungsi-fungsi sosial perlakuan-perlakuan bahasa (Nik Safiah Karim, 1982:632). Dalam perkataan lain, pengajaran bahasa asing secara khususnya merupakan sesuatu tugas yang melibatkan perkara-perkara bukan hanya mengenai pengajaran nahu (lexico-grammar) dalam pengertian yang sempit, tetapi juga mengenai berbagai-bagai masalah berkenaan dengan konteks bukan bahasa, iaitu konteks budaya. Oleh sebab itu, sering ditunjukkan perkara kewujudan laras bahasa berhubung dengan pengajaran bahasa yang ideal dari sudut pandangan konteks sosial budaya (Asmah, 1981, 1986, 1987). Dalam hal ini, kita dapat kaitkannya dengan pendapat yang diberikan oleh Julia Kristeva (1989:220) di bawah ini:

Moreover, studying language as a system of signs, linguistics has forged the conceptual means for the study of *every system of signification* as a "language". Thus, the different types of social relations invested in language, culture, codes, and rules of social behavior, religions, arts, etc., can be studied as system of signs with particular structures, or as

so many types of language. Linguistics has become a part of *semiotics*, the general science of signifying systems, which it made possible by thinking of language as the first system of signs.

Dakwaan tersebut menegaskan bahawa sudut pandangan semiotik yang lebih luas jangkauannya daripada semiotik tradisional dalam pengkajian bahasa amat penting. Apabila kita dapat memahami maksud dakwaan tersebut, maka kita dapat menganggap bahawa kajian bahasa atau pengajaran bahasa secara khususnya merupakan sebagai salah satu bidang ilmu yang termasuk dalam ilmu semiotik dalam pengertian yang luas.

### 2.7.1. Bunyi Buah Durian Jatuh

Buah durian merupakan lambang kemasyhuran buah-buahan di Asia Tenggara secara amnya dan kebanggaan di kalangan orang Melayu secara khususnya. Jika seseorang pelajar asing yang belum pernah melihat dan tidak tahu sama sekali tentang ciri-ciri buah durian, maka bagaimana pelajar itu dapat mengetahui ciri-ciri khusus daripada buah durian tersebut melalui pembacaan teks mengenai buah durian? Bagaimana ia dapat memahami ciri-ciri buah durian, antara lain bentuk dan ketinggian pokok durian, bentuk dan besarnya daun pokok, warna ataupun bau buah durian? Jika ia benar-benar dapat memahami ciri-ciri tersebut dengan sepenuhnya melalui proses pembelajaran bahasa, bagaimana hal itu mungkin berlaku?

Dalam hal ini, perlu kita perhatikan pandangan yang diberikan Roman Jakobson (1987:232) tentang dakwaan Bertrand Russell berhubung perkara tersebut. Menurut beliau;

According to Bertrand Russell, "no one can understand the word 'cheese' unless he has a nonlinguistic acquaintance with cheese." If, however, we follow Russell's fundamental precept and place our "emphasis upon the linguistic aspects of traditional philosophical problems," then we are obliged to state that no one can understand the word "cheese" unless he has an acquaintance with the meaning assigned to this word in the lexical code of English.

Berdasarkan pandangan Jakobson tersebut, kita tidak dapat memahami makna sesuatu perkataan tanpa mengetahui lebih dahulu mengenai latar belakang pengekodan perkataan tersebut. Dengan kata lain, pelajar bahasa asing harus memiliki pengetahuan sedia ada berkenaan dengan makna perkataan tertentu. Jika tidak, kita dapat mengatakan bahawa seseorang itu belum dapat memahami makna perkataan tersebut dengan sepenuhnya. Bagi menjelaskan hal tersebut, perlu kita membuat perbandingan mengenai definisi kata **durian** sebagaimana yang diberikan oleh Kamus Dewan (1996) dan Kamus Ensiklopedia Amerika (1992). Kedua-dua kamus tersebut menjelaskannya seperti berikut:

**durian** 1. sj tumbuhan (pokok yg buahnya berkulit tebal dan berduri)...(Kamus Dewan, 1996:322)

**durian** (*Durio zibethenus*), tree of the family Bombacaceae and its fruit. The durian is cultivated in Indonesia, the Philippines, Malaysia and southern Thailand. The tree has oblong tapering leaves, rounded at the base, and yellowish green flowers. Its shape resembles an elm.

The fruit is spherical and 15 to 20 centimeters (6 to 8 inches) in diameter. It has a hard external husk, or shell, covered with coarse spines, and contains five oval

compartments each filled with a cream-coloured, custard-like pulp, in which are embedded from one to five chestnut-sized seeds.

The pulp is edible, and the seeds may be eaten if roasted. The ripe fruits are eaten by many animals. Although the durian has a mild, sweet flavour, it also has a pungent odour, which has been compared to that of Limburger cheese. It is seldom exported.

Dalam hubungan ini, dapat kita ketahui bahawa pentakrifan dalam Kamus Dewan merupakan penjelasan yang sangat singkat dan sederhana sedangkan pentakrifannya dalam Kamus Ensiklopedia Amerika cukup panjang dan sangat kompeks. Walau bagaimanapun, bagi pembaca Ensiklopedia yang belum pernah melihat buah durian, perkataan-perkataan dan frasa-frasa dalam bahasa Inggeris seperti *yellowish, hard, five oval compartment, cream-colored, custard-like pulp, pungent ordour, and Limburger cheese* merupakan tanda-tanda bahasa yang harus diinterpretasikan ataupun diterjemahkan seterusnya oleh pembaca. Dengan demikian, pembaca kamus tersebut seolah-olah merasa bahawa ia dapat membayangkan atau memahami ciri-ciri sebenarnya buah durian tersebut. Berhubung dengan perkara tersebut, Jakobson (1987:232-3) lebih lanjut menjelaskan bahawa;

We never consumed ambrosia or nectar and have only a linguistic acquaintance with the words "ambrosia," "nectar," and "gods"--the name of their mythical users; nonetheless, we understand these words and know in what contexts each of them may be used.

The meaning of the words "cheese," "apple," "nectar," "acquaintance," "but," "mere," and of any word or phrase whatsoever is definitely a linguistic--or to be more precise and less narrow--a semiotic fact.

For us, both as linguists and as ordinary word-users, the

meaning of any linguistic sign is its translation into some further, alternative sign, especially a sign "in which it is more fully developed," as Peirce, the deepest inquirer into the essence of signs, insistently started.

Huraian tersebut memberikan suatu gambaran yang jelas dalam hal pengajaran bahasa asing dari sudut pandangan semiotik sosial. Dalam huraian tersebut, paragraf yang menyebut *the meaning of any linguistic sign is its translation into some further, alternative sign, especially a sign "in which it is more fully developed,* sebenarnya menjelaskan tentang metafungsi bahasa serta wujud hubungan antara bahasa dengan pemikiran. Dengan demikian, secara khususnya huraian tersebut mengaitkan keperihalan mengenai cara serta pendekatan pengajaran bahasa. Selain itu, secara implisit pandangan tersebut mencadangkan bahawa proses pengajaran bahasa asing khususnya mestilah berpandukan hasil kajian bahasa berdasarkan pandangan semiotik sosial dan juga fungsional.

#### 2.7.2. Masuk-Naik: Unsur Pembeza Sosioekonomi

Sebagaimana dihuraikan sebelum ini, pengajaran bahasa hendaknya berdasarkan kepada pemahaman yang sebaik mungkin mengenai konteks sosial. Hal ini kerana bahasa bukan hanya merupakan pengetahuan yang bersifat pasif tetapi bahasa merupakan kegiatan yang praktis. Oleh itu, dalam penggunaan bahasa sehari-hari, tanpa menyedarinya pengguna bahasa sentiasa memeriksa dan menilai pemikiran atau makna yang telah dikodkan melalui tanda-tanda bahasa berkenaan. Berhubung dengan huraian tersebut, Roger Fowler (1996:40) berpendapat bahawa;

Since language is not just internal and passive knowledge, but activity carried out in extensive speaking, listening, writing, and reading, every day, the sets of ideas encoded in language are constantly affirmed and checked.

Dengan demikian, pengguna bahasa sentiasa berusaha menciptakan berbagai-bagai variasi bahasa demi menghindari rasa bosan ataupun untuk bebas daripada kelaziman yang kolot. Malah dengan menggunakan variasi-variasi bahasa tertentu, pengguna bahasa seakan-akan berasa lebih tenteram dan lapang hati dalam hal menyatakan idea-idea mereka melalui tanda bahasa yang dianggap sesuai dengan situasi bahasa berkenaan. Bagi menjelaskan hal tersebut, diketengahkan dua situasi perbualan berikut untuk memperlihatkan perbandingan bentuk variasi yang berlainan dalam situasi yang berbeza.

#### Teks 1

O: Assalamualaikum Bang!  
M: Waalaikumussalam! **Masuklah, jemput masuk!**  
O: Saya Osman Sirus.  
M: Osman apa?  
O: Sirus. Adik beradik dengan Sirap.  
M: Jadi datang ni nak apa?  
O: Saya dari pekan. Ha, datang nak lihat-lihat kampung.  
M: Encik ni orang kerajaan agaknya.  
O: Bukan.

#### Teks 2

W: Assalamualaikum.  
M: Waalaikumsalam, Wak.  
M: **Naik, Wak. Naik.** Duduk, duduk, Wak.  
W: Boleh.

M: Duduk sini, duduk sini, Wak.

W: Sini saja sudah.

M: Ni kami tengah makan pisang ni.

W: Ada orang sakit ke?

M: Eh, tak ada, Wak. Ini semua sihat-sihat belaka.

Menurut Umar Yunus (1989), variasi dalam linguistik merujuk kepada dua bentuk yang merujuk kepada hal yang sama, atau tak distintif. Berhubung dengan pendapat ini, perlu kita perhatikan kedua-dua ungkapan ajakan atau pelawaan yang dituturkan oleh seorang pembicara M, iaitu Masuk dan Naik. Dari segi makna kamus, kedua-dua perkataan tersebut digolongkan sebagai perkataan yang saling berbeza maknanya. Menurut definisi Kamus Dewan (1996), kata masuk bermakna *pergi ke dalam* (*bilik, rumah, tubuh badan, dll.*) sedangkan naik bermakna *bergerak ke atas*.

Namun demikian, berdasarkan konteks bagi kedua-dua jenis perbualan di atas, kita mungkin memahami bahawa perkataan masuk dan naik merujuk kepada maksud atau pengertian yang sama, iaitu *masuk ke dalam rumah* atau *naik tangga ke tempat ruang tamu*. Dalam hal ini, *Masuk* dan *Naik* dapat dikatakan bervariasi. Kedua-duanya merujuk kepada hal yang sama. Oleh itu, kita menemukan dan dapat mengidentifikasi sekumpulan kata yang bervariasi, yang memungkinkan pilihan dalam pemakaian bahasa serta berhubungan dengan gaya.

Kita juga dapat melakukan pengelompokan seperti ini pada kata-kata sinonim, atau melangkah keluar dari dunia sinonim, iaitu sekumpulan kata yang daerah rujukannya berdekatan. Misalnya, kata-kata yang merujuk kepada warna, atau kata-kata yang mengandungi erti yang hampir sama. Misalnya, antara *kuning* dan *jingga*. Dalam bahasa Melayu lama, biru mempunyai erti yang sama dengan *hijau*. Kerana itu, dulu orang mengatakan *langit hijau* bukan *langit biru*. Selain itu, kita dapat

menemukan penggunaan variasi bahasa dalam dunia metonimi. Kita mungkin mengatakan *mukanya berdarah* atau *kepalanya berdarah*. Begitu juga dengan *kehilangan muka* kita mungkin maksudkan 'kehilangan sesuatu yang mewakili keseluruhan diri seseorang'. Hal yang bersamaan dapat pula terlihat antara *betis*, *kaki* dan *paha*. Atau, antara *tangan* dan *lengan* dan berbagai-bagai kata lainnya. Demikian pula, kita mendapatkan contoh-contoh penggunaan variasi bahasa dalam dunia metafora, sebagai *sepasang merpati* untuk *sepasang kekasih* (Umar Yunus, 1989).

Berhubung dengan pemilihan variasi bahasa, Asmah (1996:13-14) menjelaskan bahawa;

The above discussions on metaphors of the human anatomy illustrates very clearly the way Malay speakers perceive the body parts and their belief in the role and functions of these body parts in the conduct of their daily behaviors. The norms and taboos in Malay culture in matters concerning body parts get a succinct explanation through a linguistic study of the metaphor.

Huraian tersebut mencadangkan bahawa metafora sebenarnya bukan sesuatu alat retorik bagi sasterawan semata-mata tetapi metafora merupakan salah satu kegiatan yang praktikal atau teknik bahasa yang khusus daripada pengguna bahasa berkenaan dalam kehidupan sehari-hari.

### 2.7.3. Banyak-Manyak: Unsur Identifikasi Etnik

Sebagaimana ditunjukkan sebelumnya, bahasa manusia sentiasa berubah-ubah dan semua bahasa menunjukkan berbagai-bagai variasi. Penggunaan bahasa sebenar berbeza antara satu kelompok dengan kelompok yang lain, dan antara penutur dengan penutur yang lain sama

ada dari segi sebutan sesuatu bahasa, pilihan kata dan makna kata-kata tersebut, mahupun dari segi binaan ayat. Satu contoh yang jelas dapat diberikan di sini, iaitu pertuturan bahasa Melayu antara dua orang Malaysia.

Teks 3.

- A: Kita orang punya barang.  
B: Apa barang...Oooo! Pindah punya barang, ha, ha, ha.  
A: Ho...lori mau sampai.  
B: Oooo, manyak, manyak ke barang?  
A: A...tarak banyak la. 3 lori treler punya.  
B: Tiga lori... treler. Hu...tiga rumah pun tarak cukup. Awak kata sikit barang.  
A: Sikit saja! Ha...itu baru sikit.

Seperti yang tergambar dalam contoh di atas, penutur bahasa Melayu standard dengan segera akan menyedari bahawa gaya bahasa yang digunakan oleh kedua-dua penutur tersebut tidak sama dengan gaya bahasa standard yang sebenarnya. Perbezaan sebutan, penggunaan kosa kata dan binaan ayat daripada penutur tersebut adalah menggelikan hati sehingga bahasa tersebut digunakan sebagai sesuatu alat untuk membuat kelucuan bagi pendengar perbualan tersebut.

Dalam pertuturan tersebut, unsur bahasa yang paling menonjol sebagai pembeza gaya bahasa mungkin merupakan penggunaan kata *manyak* dan kata nafi *tarak*. Kata-kata 'manyak' dan 'tarak' sebenarnya berasal daripada kata *banyak* dan *tidak ada* atau *tiada*. Penggunaan kata-kata tersebut dengan sendirinya menimbulkan tanggapan tertentu bagi pendengar semasa meneliti dialog tersebut. Oleh itu, apabila pertuturan tersebut diucapkan, maka timbul perbezaan di antara kedudukan sosial (pedagang besar), berlainan kaum, iaitu penutur Melayu dan India dan

gaya bahasa (bahasa Melayu kasar) bagi pendengar pertuturan tersebut. Perbezaan tersebut merupakan sebab yang utama yang menimbulkan suatu kesan bagi para pendengar perbualan tersebut.

Dengan demikian, kita dapat mengenal pasti individu yang berlainan melalui pola bahasa dan pertuturan yang berbeza. Bahasa yang digunakan seseorang itu merupakan ciri penting untuk menunjukkan identiti penutur berkenaan. Oleh itu, tanpa melihat seseorang secara bersemuka kita dapat menduga ataupun mengetahui siapa sebenarnya yang bercakap melalui telefon. Namun demikian, bentuk bahasa yang dituturkan oleh seseorang individu, atau biasanya yang diistilahkan sebagai *idiolek*, sesungguhnya tidak dapat dipisahkan daripada perkara-perkara dialek.

Dalam penggunaan yang lazim, istilah *dialek* bermaksud bentuk bagi suatu bahasa yang dianggap sebagai "substandard", "tidak betul", atau "tulen". Namun demikian istilah dialek, sebagai istilah teknikal, tidak mempunyai sebarang pertimbangan nilai dan hanya dimaksudkan pada satu bentuk bahasa yang berbeza. Dari sudut pandangan itu, tidak jarang ahli bahasa merujuk bahasa yang diberi nama bahasa Malaysia standard dan bahasa Indonesia baku sebagai dialek-dialek bagi bahasa Melayu. Menurut mereka, kedua-dua bahasa tersebut tidak lebih "betul" daripada mana-mana bentuk bahasa Melayu yang lain. Berdasarkan pandangan ini, contoh-contoh pertuturan yang dikutip di bawah ini dapat dianggap sebagai salah satu jenis dialek bahasa Melayu.

#### 2.7.4. Omong Jakarta-Dialek Melayu

Sekiranya kita mahu melanjutkan perbincangan tentang penggunaan variasi bahasa, eloklah kita perhatikan dua contoh perbualan di bawah dan seterusnya perlu pula kita kemukakan pertanyaan tertentu berhubung dengan perbualan tersebut. Terlebih dahulu kita lihat perbualan tersebut;

#### Teks 4

M: Empat pulu ribu dah. Empat puluh ribu.

U: Empat pulu ribu entar elu jual tiga ratus ribu. Elu untung lo banyak.

M: Kalo gue untung kenapa emang? Alah elu nyolong aja ginian juga loh?

U: Ng...gak. Gua nggak nyolong.

#### Teks 5

M: Empat puluh ribu sudah. Empat puluh ribu.

U: Empat puluh ribu nanti kamu jual tiga ratus ribu. Kamu untungnya banyak.

M: Kalau aku untung kenapa memang? Alah, kamu mencolong saja begini juga, ya?

U: Ti...dak. Aku tidak mencolong.

#### Teks 6

M: Empat puluh ribu. Empat puluh ribu.

U: Empat puluh ribu nanti engkau jual tiga ratus ribu. Engkau untung banyak.

M: Kalau aku untung kenapa, memang? Alah, engkau hanya curi saja yang ini kan?

U: Ti...dak. Aku tidak mencuri.

Seterusnya pertanyaan yang harus dikemukakan ialah "Apakah ketiga-tiga jenis teks perbualan di atas merupakan contoh dialek yang berlainan antara satu sama lain daripada satu bahasa Melayu?"

Untuk menjawab pertanyaan tersebut, kita perlu memahami definisi atau takrif yang munasabah tentang dialek. Pada dasarnya, definisi atau takrif dialek secara umumnya berdasarkan tanggapan tentang kawasan,

iaitu bentuk bahasa yang berbeza yang dituturkan dalam kawasan geografi yang tertentu. Di samping itu, terdapat juga dialek *sosial*, iaitu bentuk bahasa yang berbeza yang dituturkan oleh anggota kelas sosial-ekonomi tertentu. Selain itu, dialek *etnik* yang tertentu juga dapat dibezakan, misalnya bentuk bahasa Melayu yang dituturkan oleh keturunan orang China, orang India ataupun orang Barat.

Namun demikian, adalah penting diambil perhatian bahawa dialek sebenarnya tidak semata-mata bersifat kawasan, atau semata-mata bersifat sosial, atau semata-mata bersifat etnik. Sering kali juga faktor kawasan, sosial, dan etnik bergabung dan bersilang dalam pelbagai cara dalam pengenalpastian dialek (Adrian Akmajian et al. 1995). Oleh sebab itu, tidak jarang ahli bahasa bersandar kepada tanggapan kefahaman menyaling untuk menggariskan sempadan dialek. Sebagai contoh, penutur bahasa di dalam teks 4, teks 5, teks 6 tersebut berbeza dari segi penggunaan bahasa, iaitu dari segi sebutan, kosa kata dan tata bahasa. Namun perbezaan itu ternyata tidak melebihi persamaan dari segi unsur-unsur bahasa untuk membolehkan kefahaman menyaling, maka ketiga-tiga kelainan tersebut dapat dianggap sebagai bahasa yang serupa atau tiga jenis dialek.

Sungguhpun tanggapan kefahaman menyaling nampaknya seolah-olah menjadi kriteria yang munasabah dalam mentakrifkan dialek, keadaan mungkin menjadi rumit kerana faktor sosial dan politik. Di China, misalnya, penutur dialek Beijing (yang juga dikenali sebagai Mandarin), di kalangan orang China di utara tidak dapat memahami pertuturan penutur bahasa Kantonis di kalangan orang China di selatan, dan sebaliknya. Atas alasan ini, ahli bahasa mungkin lebih suka melabelkan bahasa Mandarin dan bahasa Kantonis sebagai dua "bahasa" yang berbeza. Walau bagaimanapun, dalam kajian tradisi tentang bahasa China, kedua-dua bahasa Mandarin dan bahasa Kantonis dianggap sebagai "dialek" bahasa

China, kerana dari segi sejarah, bahasa-bahasa ini berkaitan (yakni, bahasa-bahasa ini mungkin merupakan cabang beberapa dialek yang sangat rapat perkaitannya, yang wujud lebih awal dalam sejarah bahasa China). Tambahan pula, kedua-dua bahasa Mandarin dan bahasa Kantonis dituturkan dalam negara sama (bahasa ini bukan merupakan bahasa dua negara yang berbeza dengan kerajaan yang berbeza), dan penutur kedua-dua dialek dapat menggunakan bahasa tulisan (dalam bentuk aksara China) sebagai bahasa komunikasi yang umum. Atas alasan seperti ini, maka kecenderungan untuk menggunakan istilah "dialek" bagi pelbagai bentuk bahasa China yang tidak saling difahami, masih berterusan (Akmajian, 1995).

Setelah kita meneliti dan memahami huraian tersebut, maka kita dapat mengerti bahawa pertanyaan yang dikemukakan di bahagian awal tadi perlu diganti dengan pertanyaan yang lain pula, iaitu "Mungkinkah ketiga-tiga orang penutur tadi dapat dianggap sebagai penutur satu bahasa Melayu yang sama? Dan mereka saling memahami dalam perbualan tersebut?"

#### 2.7.5. Abstain-Berkecuali

Di negara kecil seperti New Zealand, setiap hari media menyalurkan atau melimpahkan hampir dua juta perkataan melalui genre media utama seperti berita yang disampaikan melalui kira-kira 35 jenis surat khabar, penyiaran berita melalui beratus stesen radio dan tiga saluran televisyen. Di negara-negara lebih besar saluran penyiaran dan penerbitan berlipat ganda jumlahnya. Penghasilan bahasa media sangat besar sekalipun bahasa media tersebut hanya melibatkan sebahagian kecil daripada keseluruhan hasil perbualan secara langsung antara seorang individu dengan yang lain. Namun begitu, bahasa media bukan didengar oleh satu

atau dua orang sahaja, tetapi bahasa media dinikmati oleh keseluruhan anggota masyarakat. Pada umumnya media mendominasi penyampai-penyampai bahasa di dalam masyarakat (Allan Bell, 1991:1).

Berhubung dengan pentingnya media, kita perlu memberikan contoh teks media sebagai bahan untuk membicarakan perkara tentang konsep saling memahami yang dihuraikan sebelumnya. Contoh berikut ini merupakan sebahagian teks siaran televisyen yang dirakamkan daripada RCTI di Indonesia dan TV3 di Malaysia. Isi kandungannya berkaitan dengan pengumuman hasil pemilihan presiden di Indonesia yang dilaksanakan pada tarikh 21 bulan Oktober tahun 1999 yang lalu.

#### Teks 7

Saudara-saudara, anggota majelis yang kami hormati. Berdasarkan hasil perhitungan suara yang disampaikan oleh Sekretariat Jenderal MPR dapat kita ketahui perolehan suara dari masing-masing calon presiden sebagai berikut. Kyai Haji Abdurrahman Wahid 373 suara. Mbak Megawati Sukarnoputri 313 suara. Yang **abstain** 5 suara. Dengan demikian presiden Republik Indonesia masa bakti 1999 sampai 2004 adalah yang terhormat Sdr. Abdurrahman Wahid (siaran dalam bahasa Indonesia, RCTI, 21hb Oktober, 1999).

#### Teks 8

Pemilihan Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid atau dikenali sebagai Gus Dur dipilih sebagai presiden ke-4 Republik itu. Keputusan diumumkan oleh speaker Majlis Pemesuaratan Rakyat, MPR, Amien Rais.

Gus Dur menang 373 undi manakala Megawati mendapat 313 undi. Lima undi **berkecuali**, 9 lagi tidak hadir. Pemilihan presiden melibatkan 2 calon, Gus Dur dari Parti Kebangkitan Bangsa, PKB dan Megawati Sukarnoputri dari Parti Demokratik Indonesia Perjuangan PDIP. Pemilihan presiden

dilakukan oleh anggota Majlis Pemesyuaratan Rakyat, MPR yang dianggotai 700 orang. Gus Dur 59 tahun akan menjadi presiden Indonesia bagi tempoh 5 tahun yang akan datang. Pengundian ini bukan sahaja signifikan tetapi bersejarah kerana inilah yang pertama kali Indonesia menyaksikan jawatan presiden dipertandingkan sejak merdeka pada tahun 1945. Sementara itu, Megawati Sukarnoputri kelihatan tenang menerima keputusan itu. Dalam ucapan reaksinya beliau meminta para penyokongnya agar menerima keputusan pengundian tersebut (siaran dalam bahasa Malaysia, TV3, 21hb. Oktober, 1999).

Melalui bahasa media ataupun berita secara khususnya, kita menerima maklumat laporan serta gambaran harian. Dengan demikian, jenis atau ciri bahasa yang digunakan di dalam penyampaian berita atau laporan berkenaan dapat membayangkan atau menggambarkan nilai-nilai berita. Oleh sebab itu, pembaca atau pendengar akan dapat merasakan bahawa kaedah atau cara penggunaan bahasa dalam penyampaian berita tentu akan memberi kesan terhadap kandungan berita yang kita peroleh di dalam media (Allan Bell, 1991:2).

Sehubungan itu, kita perlu membandingkan beberapa unsur bahasa yang digunakan dalam kedua-dua teks tersebut. Dalam teks siaran Indonesia, kita dapat menemukan perkataan-perkataan yang berbeza dengan perkataan-perkataan dalam teks siaran Malaysia.

Media Indonesia	Media Malaysia
majelis	majlis
suara	undi
abstain	berkecuali

Antara ketiga-tiga pasangan tersebut, satu hal yang perlu kita beri perhatian adalah tentang perbezaan penggunaan perkataan abstain dan

berkecuali. Perkataan abstain dalam bahasa Indonesia merupakan kata pinjaman daripada bahasa Inggeris, sedangkan berkecuali dalam bahasa Malaysia bukan merupakan kata pinjaman. Kedua-dua perkataan tersebut bererti 'tidak mengundi' dalam bahasa Malaysia ataupun 'tidak memberikan suara' dalam bahasa Indonesia.

Perkataan abstain ditakrifkan dalam Kamus Besar Bahasa Indonesia (1989:3) sebagai berikut;

**abstain** v. 1. *tidak menentukan sikap; tidak memberikan suara (pemungutan suara);* 2. berpantang atau menjauhkan diri dari makanan, rokok, minuman keras, dsb.

Berhubung dengan hal tersebut, kita juga mungkin mengatakan bahawa perkataan *abstain* ini menunjukkan rujukan yang sama dengan *tidak mengundi* ataupun *tidak memberikan suara*. Bahkan kalau dilihat dari segi analisis wacana, dapat kita katakan bahawa pemilihan antara dua unsur tersebut ditentukan oleh persekitaran bahasa yang berkaitan. Dengan demikian, kita boleh berpendapat bahawa kemungkinan wujud variasi antara dua wacana yang berbeza kerana kedua-duanya merujuk kepada satu rujukan yang sama, iaitu *hasil pertandingan jawatan presiden di Indonesia yang pertama*. Hal ini jelas dapat kita perhatikan melalui contoh yang diberikan di atas. Kita dapat meneliti dua wacana yang berbeza yang membicarakan perkara yang sama dengan menggunakan laras bahasa yang tidak sama. Satu wacana yang dibicarakan dalam bahasa Indonesia merupakan laras pemidato dalam situasi formal sedangkan wacana yang satu lagi merupakan laras berita laporan yang disampaikan oleh juruhebah secara formal dalam bahasa Malaysia. Jadi teks 7 dan teks 8 tersebut memperlihatkan perbandingan dari segi laras penyampaian yang berbeza tentang satu perkara yang sama, iaitu teks 7

merupakan pengumuman melalui pidato manakala teks 8 berbentuk laporan berita.

Sehubungan itu, perlu kita rujuk kembali tentang pandangan yang mengatakan bahawa ciri-ciri signifikasi (pemaknaan) menjadikan sesuatu laporan mengandungi makna. Sesuatu peristiwa yang dilaporkan bukan merujuk kepada bentuk, kandungan, makna atau kebenaran laporan, tetapi laporan lebih merujuk kepada apa yang hendak disampaikan oleh peristiwa tersebut, iaitu makna yang terbit daripada ciri-ciri sistem lambang dan juga konteks yang berkaitan dengan apa yang disampaikan dan diterima.

## 2.8. Rumusan

Dalam bab ini, penulis telah berusaha memperlihatkan bagaimana kita dapat mengenal pasti variasi bahasa secara umumnya. Dengan demikian dapatlah disimpulkan bahawa laras bahasa pada dasarnya merupakan sejenis variasi bahasa mengikut situasi. Namun demikian, memang tidak mungkin bagi kita untuk membezakan segala jenis laras dengan hanya membuat sejenis tipologi laras. Ini kerana bahasa bukan merupakan sesuatu yang tetap atau tidak berubah-ubah, demikian juga laras bahasa merupakan sesuatu yang akan selalu berubah-ubah.